

Jambatan Solok Uban runtuh lagi

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN
zulsham@kosmo.com.my

ALOR GAJAH – Pengguna jalan raya yang menggunakan jambatan Jalan Solok Uban di sini untuk ke Masjid Tanah pasti kecewa apabila kemudahan awam itu runtuh buat kali kedua di sini baru-baru ini.

Akibatnya, beratus-ratus penduduk yang kerap menggunakan jambatan setinggi tujuh meter itu kini terkandas kerana ia merupakan laluan alternatif yang digunakan setiap hari.

Seorang penduduk, Jazam Johar, 42 berkata, keretakan pada permukaan jalan di atas jambatan itu mula disedari sejak runtuhan pertama berlaku kira-kira sebulan lalu sebelum keadaannya semakin teruk beberapa hari lalu.

“Runtuhan pertama berlaku apabila sebuah bongkah simen di bawah jambatan dihanyutkan arus deras selepas air sungai naik mendadak hingga ke tebing ketika hujan lebat.

“Ia menyebabkan tanah di situ terhakis teruk sehingga menimbulkan keretakan pada jalan raya di atas jambatan tersebut,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Jazam, sebelum ini pihak berkuasa pernah menambak tebing sungai dengan batu namun tambakan tersebut juga runtuh akibat kejadian kali kedua yang berlaku.



BAHAYA... Beginilah keadaan jambatan Jalan Solok Uban yang menyebabkan penduduk sukar untuk ke Masjid Tanah.

Ekoran itu, pengguna jalan raya terpaksa lebih berhati-hati ketika melalui jalan itu bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* mendapati sebahagian besar jambatan terbabit runtuh bersama tebing tanah berhampiran menyebabkan kemudahan itu hanya dibuka untuk satu laluan kenderaan sahaja.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan

Keselamatan Kampung Brisu, Ismail Laham pula berkata, runtuhan itu berlaku secara berperingkat sejak dua minggu lalu.

“Walaupun runtuh jambatan ini tetap menjadi laluan utama penduduk malah kenderaan berat seperti lori dan bas masih menggunakannya,” katanya.

Jika jalan itu ditutup, penduduk mahu jalan lain dibina kerana laluan sekarang iaitu Jalan Ayer Paabas terlalu jauh.